

LATIHAN ULANGKAJI

Nama:

Tingkatan:

1. Maklumat berkaitan dengan peristiwa penting sejarah negara kita.

Tarikh	Peristiwa
1 Januari 1956	Rombongan kemerdekaan bertolak dari Singapura menuju London.

Apakah tujuan rombongan tersebut?

- A Merangka perlembagaan baru
- B Membincangkan kemerdekaan negara
- C mengembalikan kuasa sultan
- D Menuntut diadakan pilihan raya umum

2. Maklumat berikut berkaitan rundingan antara wakil Tanah Melayu dengan British.

Rundingan London
- Dipengerusikan oleh Lord Lennox-Boyd - Berlangsung pada 18 Januari hingga Februari 1956

Apakah kesan rundingan tersebut?

- I. Perlaksanaan pilihan raya umum
- II. Pengenalan kerakyatan jus soli
- III. Penggubalan perlembagaan negara

- IV. Pemberian kemerdekaan tanah air

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3. Gambar menunjukkan Tunku Abdul Rahman dan rombongan diarak di Banda Hilir, Melaka pada tahun 1956.




- A Pengumuman tamat darurat
- B Pembentukan kabinet pertama
- C Pengisytiharan Tarikh kemerdekaan
- D Perlaksanaan pilihan raya umum

LIHAT SEBELAH SULIT

1

4. Rajah berikut berkaitan antara Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah X?

- A Menghapuskan ancaman komunis
 B Mengekalkan institusi beraja mutlak
 C Menentukan sempadan antara negeri
 D Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
5. Jadual berikut berkaitan anggota Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada 8 Mac 1956.

Nama	Negara
Lord Reid	Britain
William Ivor Jennings	Australia
B. Malik	India
Abdul Hamid	Pakistan

Apakah peranan suruhanjaya tersebut?

- A Melaksanakan pilihan raya
 B Mengukuhkan pertahanan negara
 C Menetapkan sempadan negeri
 D Menggubal perlembagaan merdeka
6. Apakah memorandum yang dikemukakan Raja-Raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?

- I. Kerakyatan jus soli
 II. Perlantikan pertahanan negara
 III. Melindungi hak pribumi
 IV. Sistem pentadbiran kerajaan

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

7. Maklumat berikut berkaitan memorandum kewarganegaraan.

- Dewan perniagaan Melayu Melayu mahu kewarganegaraan diketatkan.
- Dewan Perhimpunan Cina se-Malaya mahu kewarganegaraan menerusi kelahiran.
- Masyarakat India mahukan kedudukan mereka diberi perhatian

- A Jus soli dilaksanakan
 B Rusuhan kaum tercetus
 C imigran dihantar pulang
 D Dwi kerakyatan diperkenalkan

8. Parti berikut telah mengadakan kongres pada 4 hingga 7 Mei 1957?

- Parti Negara
- Parti PAS
- Parti Rakyat

Mengapakah parti-parti tersebut bertindak sedemikian?

- A Melindungi Kuasa raja
- B Menyatukan orang melayu
- C Menolak syarat kewarganegaraan
- D Memelihara kedudukan agama islam

9. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja melayu dan British pada 15 ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur. Mengapakah perjanjian tersebut penting kepada negara kita?

- A Memperkuat pertahanan
- B Mengukuhkan perpaduan
- C Menjadi asas perlembagaan
- D Meluaskan hubungan diplomatic

10. Apakah bentuk kerakyatan yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I. Kelulusan parlimen
- II. Melalui permohonan
- III. Kuatkuasa undang-undang
- IV. Perkenan Raj-Raja Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11. Maklumat berikut merujuk kepada takrifan kemerdekaan.

Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup harmoni.

Siapakah yang mengutarakan definisi tersebut?

- A Mahatma Gandhi
- B Nelson Mandela
- C Tunku Abdul Rahman
- D Tun Dr Mahathir Mohamad

12. Apakah maksud kemerdekaan menurut tokoh berikut?



Nelson Mandela

- A Kebebasan untuk berfikir dan bertindak
- B Merangkumi politik, ekonomi dan moral
- C Pertempuran terhadap sistem yang menindas
- D Menyayangi dan sanggup berkorban untuk negara

13. Gambar menunjukkan bendera yang menjadi lambang kedaulatan negara.



Siapakah pencipta bendera tersebut?

LIHAT SEBELAH SULIT

3

- A Ismail Bontak
- B Tahir Abdul Majid
- C Yaacob Abdul Latiff
- D Mohamed Hamzah

14. Maklumat berikut merujuk kepada peristiwa yang berlaku dinegara kita pada tahun 1957.

- Gaji kakitangan awam diberi seminggu awal
- Kursus protocol pegawai kerajaan

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Persediaan menyambut merdeka
- B Pelancaran Malayan Union
- C Pembukaan siding parlimen
- D Pertabalan Yang di-Pertuan Agong

15. Peristiwa penting berikut berlaku di tanah Melayu pada tahun 1957.



Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut?

- A Perasmian Stadium Merdeka
- B Berakhirnya pentadbiran British
- C Kemenangan Jepun di Tanah Melayu
- D Pendudukan komunis di Asia Tenggara

16. Gambar menunjukkan peristiwa kemerdekaan negara pada 31 Ogos 1957.




Dimanakah peristiwa tersebut berlangsung?

- A Memorial kemerdekaan
- B Tugu Kemerdekaan
- C Stadium Merdeka
- D Dataran Merdeka

17. Siapakah wakil Queen Elizabeth II dalam Majlis sambutan kemerdekaan Tanah Melayu?

- A Mr. Dag Hammerskjoe
- B Sir Donald MacGillivray
- C Duke of Gloucester
- D D.C Watherston

18. Rajah berikut berkaitan dengan bentuk pentadbiran kerajaan Malaysia.



X ialah?

- A Republik

LIHAT SEBELAH SULIT

4

- B Autokratik
- C Monarki mutlak
- D Demokrasi berparlimen

19. Bagaimanakah kerajaan dalam negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi dibentuk?

- A Melalui pilihanraya
- B Pemimpin parti politik
- C Kelulusan mahkamah
- D Perkenan Majlis Raja-Raja

20. Antara berikut, manakah yang membuktikan kedaulatan negara kita?

- I. Pengiktirafan Kuasa besar
- II. Keanggotaan pertubuhan dunia
- III. Kedaulatan undang-undang
- IV. Lambang kebangsaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21. Jadual berikut berkaitan takrif kedaulatan dalam pelbagai Bahasa.

Bahasa	Takrif kedaulatan
Bahasa Yunani	Superanus
Bahasa Inggeris	Sovereignty
Bahasa Arab	Daulah
Bahasa Melayu	Daulat

Apakah persamaan takrif tersebut?

- A Kekayaan hasil bumi
- B Kekuasaan tertinggi
- C Kekuatan ketenteraan
- D Keluasan wilayah pengaruh

22. Pernyataan berikut berkaitan tafsiran kedaulatan oleh mantan ketua Hakim Negara Malaysia.

Kedaulatan merupakan asas negara yang merdeka, memiliki kebebasan pada peringkat antarabangsa bersama dengan hak dan kuasa untuk mengatur urusan dalam negeri tanpa telunjuk kuasa asing

Tun Dr. Mohamed Salleh Abas

Apakah kepentingan perkara tersebut terhadap sesebuah negara?

- A Menjadi kuasa besar dunia
- B Membentuk empayar yang luas
- C Menjamin kesejahteraan pemimpin
- D Mewujudkan pemerintahan berkesan

23. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kedaulatan.

Jenis kedaulatan
• Kedaulatan tradisional • Kedaulatan moden • Kedaulatan undang-undang • X

LIHAT SEBELAH SULIT

5

Apakah X?

- A Kedaulatan rakyat
- B Kedaulatan kerajaan
- C Kedaulatan sempadan
- D Kedaulatan antarabangsa

24. Apakah fungsi Parlimen berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.

- A Merangka dasar kerajaan
- B Membentuk Jemaah Menteri
- C Melantik Ketua utama Negara
- D Menggubal sistem perundangan

25. Jadual berikut berkaitan perbandingan kedaulatan tradisional dan moden.

Kedaulatan Tradisional	Kedaulatan moden
Wujud sejak tamadun awal manusia	Muncul selepas revolusi keagungan
Pemerintahan berkuasa mutlak	X

Apakah X?

- A Kerajaan berpelembagaan
- B Sistem Jemaah Menteri
- C Semangat patriotic
- D Pemerintahan aristokrasi

26. Rajah berikut berkaitan ciri negara berdaulat.

Ciri Negara Berdaulat



- Pemerintahan berwibawa
- Sistem perundangan adil
- Rakyat setia
- X

Apakah X?

- A Sempadan negara diiktiraf
- B Pendidikan berkembang
- C Hubungan luar terjalin
- D Ekonomi meningkat

27. Gambar berikut berkaitan keunikan rakyat Malaysia.



Bagaimanakah keunikan tersebut mengukuhkan kedaulatan negara kita?

- A Keharmonian dalam kalangan berbilang kaum
- B Kebebasan mutlak dalam masyarakat
- C Pengamalan adat resam yang sama
- D Mengukuhkan ekonomi negara

28. Bagaimanakah Rukun Negara dapat mengukuhkan kedaulatan negara kita?

- A Memupuk jati diri kaum

LIHAT SEBELAH SULIT

6

- B Membentuk perpaduan rakyat
- C Mengekalkan warisan bangsa
- D Mewujudkan kemakmuran ekonomi

29. Bagaimanakah dasar berikut dapat mempertahankan kedaulatan negara?

- Dasar Pendidikan kebangsaan
- Dasar Kebudayaan kebangsaan

- A Mengekalkan kestabilan politik
- B Mengukuhkan patriotism rakyat
- C Memupuk integrasi nasional
- D Mewujudkan kemakmuran ekonomi

30. Maklumat berikut berkaitan usaha mempertahankan kedaulatan negara kita.

- Mewujudkan kestabilan politik
- Memastikan kemakmuran ekonomi

Apakah Langkah yang perlu diambil untuk mencapai usaha tersebut?

- I. Memodenkan aset ketenteraan
- II. Meningkatkan kecekapan pentadbiran
- III. Mengagihkan kekayaan negara secara adil
- IV. Mewujudkan lambing kebesaran negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

31. Apakah persamaan undang-undang negeri melayu berikut?

- Hukum kanun Pahang
- Undang-undang Johor
- Undang-undang 99 Perak.

- A Mewujudkan Raja Berpelembagaan
- B Menerima pengaruh undang-undang Inggeris
- C Mengabungkan unsur undang-undang
- D Mewarisi perundangan Kesultanan melayu Melaka.

32. Undang-undang di negeri melayu mengalami perubahan pada abad ke-19. Mengapakah undang-undang tersebut mengalami perubahan?

- A Perluasan pengaruh barat
- B Pengukuhan institusi raja
- C penerimaan Pengaruh Hindu
- D Perkembangan Pendidikan moden

33. Senarai berikut merupakan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan di negara kita.

- *Charter of Justice I*
- *Charter of Justice II*
- *Charter of justice III*

Dimanakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Sarawak dan Sabah
- B Negeri-negeri Selat
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

34. Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan di Sarawak dan Sabah.

LIHAT SEBELAH SULIT


7

- Sarawak Application of Laws Ordinance 1949
- Sabah Application of Laws Ordinance 1951

Apakah asas kepada undang-undang tersebut?

- A charter of Justice
- B The Common Law of England
- C The Law of Federated Malay States
- D Acts and ordinance of Strait Settlements

35. Dimanakah undang-undang berikut dilaksanakan?



The Law of Federated Malay States

- I Perak
- II Selangor
- III Kelantan
- IV Terengganu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

36. Pilih pasangan betul berkaitan penggubalan undang-undang berikut.

	Badan Penggubal	Undang-undang Digubal
--	-----------------	-----------------------

A	Majlis Negeri	Negeri-negeri selat
B	Majlis Persekutuan	Negeri-negeri Melayu Bersekutu
C	Majlis Undangan Negeri	Negeri-negeri melayu Tidak Bersekutu
D	Majlis Tertinggi	Negeri Sabah

37. Senarai berikut berkaitan terma rujukan utama Perjanjian persekutuan 1957 yang menjadi asas kepada perlembagaan Negara pada hari ini.

- Kerajaan Persekutuan yang kukuh
- Kedudukan Raja-raja melayu
- X

- A Pendidikan vernakular
- B Undang-undang Syariah
- C Agihan ekonomi yang adil
- D Parlimen mengandungi dua dewan

38. Rajah berikut menerangkan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

Ciri utama Perlembagaan Persekutuan

Ciri Tradisional	Ciri Moden
• Agama islam • Bahasa melayu	• X • Y

Apakah perkara X dan Y?

- I Pemerintahan beraja

LIHAT SEBELAH SULIT

8

- II Kewarganegaraan
- III Demokrasi Berparlimen
- IV Kedudukan istimewa Melayu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Apakah pentadbiran yang memperkenalkan kewarganegaraan Persekutuan bagi kerakyatan berikut?

- Rakyat Raja
- Rakyat British

- A Negeri-negeri Selat 1826
- B Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896
- C Persekutuan Tanah Melayu 1948
- D Persekutuan Tanah Melayu 1957

40. Pernyataan berikut berkaitan pindaan perlembagaan Persekutuan?

Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963

Apakah faktor yang membawa kepada pindaan tersebut?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Pembentukan Suruhanjaya Reid
- D Pelaksanaan Pilihan Raya Umum Pertama

Soalan tamat

LIHAT SEBELAH SULIT

9